

11 JUL 2003

Multaqa-Tantawi (Bergambar)

TOLAK ULAMA PALSU - SHEIKH AL-AZHAR

PUTRAJAYA, 11 Julai (Bernama) -- Sheikh Al-Azhar Dr Mohammad Sayed Tantawi meminta umat Islam menolak ulama palsu supaya mereka tidak terpesong daripada ajaran sebenar Islam.

"Seseorang berpura-pura dirinya pakar dalam satu-satu bidang tetapi (sebenarnya) dia bukan pakar, maka itu merupakan satu penipuan dan tidak boleh diikuti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan ucap tama bertajuk "Tadayyun (Pembudayaan Agama) Sebenar di Era Globalisasi" pada hari kedua Multaqa Ulama Sedunia di sini, hari ini.

Pada sidang media itu, Pengerusi Jawatankuasa Induk Multaqa Tan Sri Abdul Hamid Othman bertindak sebagai jurubahasa.

Dr Tantawi berkata ulama mesti memelihara fatwa dan ilmu dalam membimbing ummah.

Beliau berkata demikian ketika ditanya bagaimana ulama tulen hendak membimbing ummah dengan berkesan sedangkan ada ummah yang hanya mahu mendengar daripada ulama palsu sahaja.

Dr Tantawi berkata seseorang yang mempunyai portfolio untuk bercakap soal agama mesti memahami dengan mendalam mengenai Al-Quran dan Sunnah serta mahir dalam hal-ehwal agama.

"Begitu juga, seseorang tidak akan dianggap sebagai doktor perubatan jika dia tidak belajar mengenai perubatan," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Tantawi menyokong pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya para ulama bersependapat dalam memberikan pandangan untuk membimbing ummah.

"Dalam menafsir Al-Quran dan Hadis, ada berbagai-bagai tafsiran dibuat dan ada juga yang tersilap, jadi ia merupakan tanggungjawab ulama untuk memperbetulkannya," katanya.

Sambil menegaskan bahawa Islam menolak keganasan dan ekstremisme, Dr Tantawi berkata terdapat perbezaan antara kedua-dua perkara itu dan jihad.

"Jihad dalam Islam adalah untuk mempertahankan diri dan untuk membantu pihak yang dizalimi.

"Jihad dan ekstremisme adalah berbeza bagai langit dan bumi," kata Dr Tantawi, 74, yang menjadi Sheikh Al-Azhar sejak Mac, 1996.

Beliau berkata jihad adalah wajib untuk mempertahankan kebenaran manakala ekstremisme adalah seteru Islam.

Terdahulu, semasa sesi dialog pada multaqa itu beliau berkata kuasa adalah penting bagi umat Islam dalam membangunkan ekonomi, pertanian dan industri mereka dengan kukuh.

Bagaimanapun, katanya Islam menolak penggunaan kuasa untuk menindas orang lain atau mencero bohi negara lain.

Umat Islam juga perlu menggunakan kuasa untuk mempertahankan diri mereka, katanya yang dibantu oleh seorang penterjemah pada dialog itu.

Mengenai kesaksamaan antara lelaki dan wanita, Dr Tantawi berkata kedua-dua golongan itu sebenarnya mempunyai taraf serupa kerana dicipta daripada asal usul yang sama.

Lelaki dan wanita juga mempunyai kesaksamaan dari segi pendidikan dan maruah, katanya.

Terdahulu, dalam ucap tamanya Sheikh Al-Azhar itu meminta umat Islam mengamalkan ajaran agama itu dengan sempurna dalam era globalisasi.

"Mereka tidak harus campur tangan dalam sebarang perkara yang di luar bidang kepakaran mereka. Kita bukanlah profesor dalam segala bidang. Kita

harus sentiasa bertanya kepada pakar bidang-bidang tertentu," katanya.

Mengenai globalisasi, Dr Tantawi berkata beliau tidak memahami tentangnya tetapi jika ia bertujuan membawa keadilan dan baik bagi manusia, Islam pasti akan menerimanya.

Beliau berkata globalisasi perlu memberi tumpuan kepada kemajuan kerohanian dan fizikal.

"Jika globalisasi bermaksud melaksanakan ideologi-ideologi pihak lain terhadap kita, oleh itu kita tidak akan menerimanya.

"Ia juga tidak harus tertakluk kepada campur tangan asing. Tiada siapa pun yang harus mengajar kita apa yang harus kita lakukan," katanya.

Dr Tantawi berkata umat Islam perlu menolak globalisasi jika ia mengandungi sebarang bentuk ugutan.

-- BERNAMA

JM AZZ NAK